# LAMPIRAN

NEGERI KEDAH

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF KEDAH GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 26
Bil. 21

**13hb Oktober, 1983**

*TAMBAHAN No. 6*
*PERUNDANGAN*

**K. P.U. 11.**

## UNDANG-UNDANG ZAKAT TAHUN 1374 (1955)

### UNDANG-UNDANG NOMBOR 4 TAHUN 1374 (1955)

PERATURAN MENURUT SEKSYEN 9

MENURUT kuasa yang diberikan oleh seksyen 9 Undang-undang Zakat Tahun 1374 (1955) maka inilah Jawatankuasa Zakat dengan kebenaran Duli Yang Maha Mulia Sultan membuat peraturan-peraturan yang tersebut di bawah ini:

1. Maka peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-peraturan Zakat Tahun 1982** dan hendaklah berkuatkuasa pada 25hb Oktober, 1982. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Di dalam peraturan-peraturan ini melainkan perkataan yang di sebelah menyebelah itu menunjukkan maksud yang lain maka— Tafsiran.

"Amil" maknanya penerima atau pemungut zakat yang di-angkatkan oleh Jawatankuasa.

"fakir" maknanya orang yang papa yang tiada mempunyai apa-apa pencarian atau harta atau orang yang tiada boleh meng-adakan setengah daripada kehendaknya untuk nafkahnya.

"miskin" maknanya orang yang melarat yang sungguhpun mempunyai sedikit harta atau apa-apa pencarian cuma dapat mengadakan lebih sedikit daripada setengah kehendaknya untuk nafkahnya.

"mualaf" maknanya orang yang baru memeluk Ugama Islam yang lemah agamanya.

"ibni sabil" maknanya pengembara yang berkehendakkan per-tolongan walaupun ia mempunyai banyak harta di negeri sendiri.

"fi sabilillah" maknanya apa-apa usaha yang diterima menurut Ugama Islam untuk kebaikan orang-orang Islam.

"firriqab" maknanya hamba yang dikehendaki membayar sekian-sekian banyak wang yang tertentu kepada tuannya sebelum dimerdekakan.

"alqharimin" maknanya orang yang berhutang secara yang dilulus oleh syarak.

"musim" ertinya suatu tempoh mulai dari masa menyediakan tanah untuk menanam padi hinggalah selesai padi dituai dan jika padi ditanam dan dituai dua kali dalam masa dua belas bulan ertinya tempoh mulai dari masa menyediakan tanah untuk menanam padi yang pertama hinggalah selesai padi dituai kali kedua dalam masa dua belas bulan itu.

Orang yang berhak menerima zakat.

3. Orang-orang yang tersebut di dalam peraturan di atas ini yang berugama Islam sahaja yang berhak menerima zakat tetapi tidak termasuk keluarga Bani Hashim atau Bani Mutalib.

Jawatankuasa. Tugas

4. Tugas Jawatankuasa adalah seperti berikut:

(i) Hendaklah Jawatankuasa sahaja memungut zakat dan bolehlah Jawatankuasa mengangkatkan Jawatankuasa Kerja dan pegawai-pegawai bagi menyempurnakan kerja bagi pihaknya.

(ii) Berkuasalah Jawatankuasa atau amil menjual semua padi yang dipungut sebagai zakat dan Jawatankuasa hendaklah membahagikan pendapatan bersih daripada penjualan itu menurut kadar yang ditetapkan menurut Undang-undang Islam.

(iii) Hendaklah Jawatankuasa:

(*a*) menyediakan anggaran tahunan berkenaan hasil dan perbelanjaan dan di dalam anggaran itu hendaklah diadakan wang yang diuntukkan bagi pembahagian kumpulan wang simpanan dan perbelanjaan menurut seperti yang dibenarkan menurut Undang-undang Islam.

(*b*) menyedia laporan tahunan dan penyata penerimaan dan perbelanjaan beserta dengan penyata kira-kira dan hendaklah dipersembahkan laporan dan penyata itu ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan diwartakan bagi makluman umum.

(*c*) menyimpan dengan cara-cara yang betul akan buku kira-kira perolehan dan perbelanjaan dan apa-apa buku yang dikehendaki bagi menyempurnakan pekerjaannya.

(*d*) menyimpan buku minit mesyuarat dan di dalam buku itu hendaklah ditulis butir-butir semua mesyuarat dan butir-butir itu hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi dan Setiausaha manakala telah disahkan butir-butir mesyuarat itu di dalam mesyuarat yang berikutan.

(iv) Hendaklah Jawatankuasa memungut zakat dengan sepenuhnya menurut Undang-undang Islam.

Tugas Pengerusi.

5. Hendaklah Pengerusi:

(*a*) mengetuai tiap-tiap mesyuarat dan dalam ketidakhadirannya hendaklah Jawatankuasa memilih seorang ahli di antara ahli-ahli yang hadir mengetuai mesyuarat itu.

(*b*) mengadakan seberapa banyak mesyuarat yang difikir mustahak.

(*c*) memberi keputusan muktamat di dalam semua perkara yang bersangkutan dengan perjalanan mesyuarat dan berkuasa menghentikan mana-mana ahli daripada mengemukakan apa-apa perkara yang ia fikir tidak berkenaan atau melanggar peraturan biasa bagi perbahasan.

(*d*) mempunyai undi pemutus.

(*e*) dari semasa kesemasa menghantar surat perkeliling kepada ahli-ahli supaya memberi pendapatnya yang bertulis di atas apa-apa perkara yang mendesak yang berkehendakkan keputusan Jawatankuasa dengan segera dan apa-apa keputusan hendaklah disahkan di dalam mesyuarat yang akan datang.

6. Jika mana-mana ahli Jawatankuasa tidak hadir di dalam mesyuarat tiga kali berturut-turut tanpa sebab yang menasabah maka bolehlah Jawatankuasa mencadangkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan supaya dihentikan ahli itu. Tidak hadir mesyuarat.

7. Jumlah anggota yang perlu untuk mengadakan mesyuarat Jawatankuasa tidak boleh kurang daripada setengah bilangan ahli-ahli jawatankuasa. Jumlah anggota yang perlu untuk mengadakan mesyuarat.

8. (i) Semua keputusan dalam mesyuarat Jawatankuasa hendaklah mengikut suara ramai daripada ahli-ahli yang hadir. Undi.

(ii) Keputusan di bawah Peraturan 5 (*e*) hendaklah dengan suara ramai juga.

9. Hendaklah Setiausaha— Tugas Setiausaha.

(i) menguruskan semua hal surat menyurat dan kira-kira Jawatankuasa:

(ii) mengadakan mesyuarat apabila diperintah berbuat demikian oleh Pengerusi. Tertanggunglah di atasnya berikhtiar supaya 7 hari sebelum tiap-tiap mesyuarat dihantarkan kepada tiap-tiap ahli pemberitahu yang mengandungi waktu, tempat dan acara mesyuarat dan jika ada apa-apa perkara yang mendesak maka bolehlah ia dengan kebenaran Pengerusi menggunakan budibicaranya.

(iii) bertanggungjawab di atas hal memungut zakat padi, biji-bijian dan lain-lain hasil dengan sempurnanya:

(iv) mengikut keputusan mesyuarat Jawatankuasa membenarkan sebarang perbelanjaan yang diuntukkan di dalam peranggaran tahunan;

(v) menyeliakan pekerjaan semua pegawai dan orang yang diambil berkhidmat oleh Jawatankuasa: dan

(vi) menjalankan apa-apa pekerjaan yang lain yang dari semasa kesemasa diperintah atau diputuskan oleh Jawatankuasa.

10. Hendaklah Penyimpan Wang— Tugas Penyimpan Wang.

(i) menyelenggara akaun kewangan Jawatankuasa dengan menyimpan semua resit, bil dan buku-buku akaun lain;

(ii) mengeluarkan resit ke atas tiap-tiap penerimaan wang yang diterimanya dan menyimpan semua wang yang diterima ke dalam bank yang ditetapkan oleh Jawatankuasa;

(iii) membuat bayaran dengan baucar ke atas mana-mana pembayaran keluar; dan

(iv) menjaga wang runcit yang dibenarkan oleh Jawatankuasa.

Tanda tangan di atas cek.

11. Kira-kira pertaruhan berkenaan dengan semua wang yang dipungut menurut peraturan ini hendaklah diperbuat di atas nama Jawatankuasa dan semua cek yang dikeluarkan dengan nama Jawatankuasa hendaklah ditandatangani oleh mana-mana dua orang daripada Setiausaha, Penyimpan Wang dan Pengerusi:

Dengan syarat jika wang melebihi 10,000.00 ringgit maka cek itu hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi dan Penyimpan Wang atau Pengerusi dan Setiausaha.

Kekuasaan dan tugas Jawatankuasa Kerja.

12. Berkuasalah Jawatankuasa mengangkat sebuah Jawatankuasa Kerja daripada ahli-ahlinya dan bilangan ahli-ahli Jawatankuasa Kerja ini tidaklah boleh melebihi 12 orang dan Jawatankuasa Kerja ini mempunyai kuasa dan tugas seperti yang tersebut di bawah—

(*a*) mengangkat mana-mana pegawai yang diambil berkhidmat oleh Jawatankuasa atau mana-mana peguam untuk berguam bagi pihaknya dalam apa-apa pembicaraan sivil atau jenayah dalam mana-mana mahkamah.

(*b*) memecat atau menggantung sementara mana-mana Amil atau mana-mana pegawai lain.

(*c*) mengangkat Jawatankuasa Kecil yang difikir mustahak bagi mentadbir dan membayar zakat dengan sempurna menurut Peraturan Zakat.

(*d*) mengangkat seorang Amil bagi mana-mana kawasan tanah yang tertentu atau Mukim bagi maksud memungut zakat dan mengeluarkan kepadanya Surat Tauliah yang ditandatangani oleh Setiausaha. Surat Tauliah itu hendaklah ditunjukkan supaya boleh diperiksa oleh mana-mana orang yang membayar zakat.

(*e*) mengeluarkan perintah kepada Amil dan Setiausaha Daerah mengenai perkara-perkara berkenaan dengan kerja-kerja biasa dan perkara kewangan;

(*f*) mengangkat juruodit dalam.

(*g*) menjalankan apa-apa tugas lain yang diwakilkan oleh Jawatankuasa;

(*h*) membentangkan minit-minit mesyuarat dan segala keputusan kepada Jawatankuasa.

Kelepasan membayar zakat.

13. Tiap-tiap penanam padi atau pemilik padi hendaklah membayar zakat atas kadar 10% daripada perolehan kasar padinya bagi satu musim kecuali jika jumlah perolehan kasar bagi sesuatu musim yang didapati oleh seorang itu kurang daripada 1,300.449 kilogram atau 2 kunca, 2 nalih, 6 gantang, 1 cupak, 2 kepul.

Tugas Amil.

14. (i) Seorang yang menanam padi di atas tanahnya sendiri atau di atas tanah yang disewakan hendaklah membuat satu pengakuan seperti di dalam borang dalam Jadual "A";

(ii) Tiap-tiap Amil hendaklah memberi kepada tiap-tiap orang yang membayar zakat kepadanya satu resit yang mengandungi tandatangannya di dalam borang yang tercap yang dikeluarkan kepadanya oleh Jawatankuasa menurut Jadual "B";

(iii) Semua padi zakat yang dipungut oleh Amil tiada boleh dijual melainkan mengikut perintah-perintah dan cara-cara yang dikeluarkan oleh Setiausaha;

(iv) Hendaklah tiap-tiap Amil pada tiap-tiap musim mengambil banci zakat padi daripada bendang-bendang dan huma-huma yang ada di dalam daerah atau lingkungan yang diuntukkan baginya berkenaan dengan orang-orang yang dikehendaki membayar zakat. Satu salinan daripada banci itu hendaklah apabila siap dihantar kepada Setiausaha sebelum musim menuai padi. Borang banci itu ialah borang yang tercap yang dikeluarkan kepadanya oleh Jawatankuasa menurut Jadual "C";

(v) Tiap-tiap Amil hendaklah mengambil di dalam tiap-tiap tahun banci nama-nama orang yang tinggal di dalam daerahnya yang berhak menerima zakat dan hendaklah menghantar banci itu kepada Setiausaha tidak lewat daripada 30hb Rejab pada sesuatu tahun. Borang banci itu ialah borang yang tercap yang dikeluarkan kepadanya oleh Jawatankuasa menurut Jadual "D".

15. (i) Mana-mana orang yang— Kesalahan.

(*a*) dengan sengaja membuat kenyataan palsu atau menyembunyikan apa-apa kenyataan yang menyentuh apa-apa perkara yang dikehendaki dinyatakan di dalam borang di Jadual "A", enggan mengembalikan borang Jadual "A" kepada Amil dalam tempoh masa 30 hari mulai dari tarikh ianya diserahkan kepadanya;

(*b*) tiada membayar atau enggan membayar zakat dengan sepenuh yang dikehendaki ia membayar menurut peraturan ini kepada Amil;

(*c*) membayar zakatnya yang dikehendaki diberi menurut peraturan ini kepada orang yang lain daripada Amil;

(*d*) menerima zakat bukan sebagai Amil;

(*e*) menghasut dengan apa-apa jalan orang lain supaya jangan membayar zakat;

(*f*) tiada memberi atau enggan memberi kepada Amil perkara-perkara bagi Jadual "C"; atau

(*g*) menjual, memindah milik atau dengan apa jalan jua pun melepas padi atau tanaman padi daripada miliknya dengan niat hendak melepaskan daripada bayaran zakat, adalah melakukan kesalahan menurut peraturan ini dan apabila disabit kesalahannya boleh dihukum denda tiada lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara tiada lebih daripada enam bulan.

(ii) Mana-mana orang tiada terlepas daripada tanggungan membayar zakat yang dikehendaki ia memberi menurut peraturan itu walaupun ia telah diputuskan salah menurut peraturan kecil (i) di dalam peraturan ini dan zakat yang dikehendaki

ia membayar itu hendaklah dituntut menurut peraturan yang dipertetapkan oleh Undang-undang bagi menuntut denda dan kadi hendaklah menghukum orang itu membayar zakat yang terhutang olehnya kepada Jawatankuasa.

(iii) (*a*) Maka tertanggunglah di atas Amil yang diangkatkan oleh Jawatankuasa menghantarkan kepada Setiausaha kira-kira semua resit lapisan dan semua wang penjualan padi zakat di dalam masa sebulan daripada tarikh yang habis dikutip zakat.

(*b*) Mana-mana Amil yang tiada menjalankan tugas ini adalah melakukan satu kesalahan di bawah peraturan ini dan apabila disabit kesalahannya boleh dihukum denda tiada lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara tiada lebih daripada enam bulan.

(iv) Mana-mana Amil yang sengaja:

(*a*) meninggalkan daripada bancinya orang-orang di dalam kawasan atau daerahnya yang dikehendaki membayar zakat;

(*b*) membuat banci yang tiada betul;

(*c*) tiada mengeluarkan resit bagi zakat yang diterima olehnya; atau

(*d*) tiada mengeluarkan resit bagi zakat yang dipungut olehnya dengan berbetulan;

hendaklah dianggap sebagai telah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah dihukum denda tiada lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara tiada lebih daripada enam bulan.

(v) Hendaklah Amil menyerahkan semua resit, borang wang, kupon, token atau bil pertukaran, surat tauliah dan kesemua harta benda kepunyaan Jawatankuasa kepada Setiausaha di dalam tempoh yang dipertetapkan oleh Setiausaha. Mana-mana Amil yang enggan menunaikan kehendak itu adalah melakukan kesalahan dan apabila disabit kesalahannya boleh dihukum denda tiada lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara tiada lebih daripada enam bulan.

Kuasa Setiausaha atau Merinyu Zakat meminta dikeluarkan saman.

16. Setiausaha atau mana-mana Merinyu Zakat yang diangkatkan oleh Jawatankuasa berkuasa meminta kepada kadi supaya dikeluarkan saman di atas mana-mana orang yang melakukan apa-apa kesalahan di bawah peraturan ini dan mempunyai kuasa boleh menjalankan pendakwaan ke atas mereka di dalam Mahkamah Kadi.

Mahkamah No. 9/1980.

17. Semua kesalahan di bawah peraturan ini hendaklah dibicarakan di dalam Mahkamah Kadi yang ditubuhkan oleh Enakmen Mahkamah Syariah 1979.

Pemansuhan K. LN. 58.

18. (1) Peraturan Zakat 1962 adalah dengan ini dimansuhkan dengan syarat bahawa segala langkah perbicaraan yang telah dimulakan di bawah Peraturan yang dengan ini dimansuhkan hendaklah masih lagi berterusan seolah-olah Peraturan ini tidak diluluskan.

(2) Pemansuhan ini tidak menyentuh perjalanan kuatkuasa kebelakangan Peraturan yang dimansuhkan itu atau apa-apa jua yang telah dilakukan atau ditanggung dengan sewajarnya di bawah-

nya atau apa-apa hak keistimewaan, kewajipan atau tanggungan yang diperolehi, terkumpul atau ditanggung di bawahnya.

Bertarikh pada 24hb Oktober, 1982 bersamaan 7hb. Muharam, 1403.
[PSU(K) 2704/1369; PZK 60/70 Jld. 3.]

DATO' HAJI WAN ANNUAR BIN WAN ISHAK,
*Setiausaha, Jawatankuasa Zakat,*
*Negeri Kedah*

"JADUAL A"

NEGERI KEDAH

Peraturan 14 (*a*) Peraturan Zakat 1982

Kawasan..........................................

No. Bancian......................................

Saya............................ .........K/P. No..........................

di alamat..........................................Mukim.................

Daerah........................dengan sesungguhnya mengaku bahawa

saya mengerjakan tanaman padi di atas tanah sendiri/disewa

seluas....................ekar.....................yang terkandung dalam

surat Hakmilik Tanah (Jenis)..............................................

Nombor.........................................Mukim.......................

Daerah.......................Number lot........................ dan setahu

saya tanah ini boleh menghasilkan.........................................

kunca.................nalih..................gantang atau.................
kilogram semusim.

Dengan sesungguhnya saya membuat pengakuan ini dengan sepenuh kepercayaan bahawa ianya benar.

Bertarikh pada......hb.............................. 19......

Di hadapan:

..................................
*Nama penuh dan tandatangan Amil*
*No. Permit/Lesen*

..................................
*Nama penuh dan tandatangan Pemilik Padi*

..................................

..................................

*Disaksikan oleh:*

..................................
*Tandatangan Saksi dan Nama Penuh*

JADUAL "B"

NEGERI KEDAH

Peraturan 14 (*b*) Peraturan Zakat 1982

RESIT

Nombor Banci........................

Zakat Tahun...........................

Ada terima daripada.......................Mukim...........................

Kawasan..............................Daerah.................................

Banyak Padi Zakat............

| Kunca | Nalih | Gantang |
|---|---|---|
| | | |

atau.....................kilogram

Pada......hb............................., 14......

...........hb.............................., 19......

.......................................

*Tandatangan Amil*

JADUAL "C"

NEGERI KEDAH

Peraturan Zakat 14 (*d*) Peraturan Zakat 1982

Daftar banci orang-orang Muslim perbuat bendang/huma di dalam Mukim......................Daerah......................

| No. Banci | Nama Penuh | No. Kad Pengenalan | Mukim Ber-mastautin | Daerah Ber-mastautin | Keluasan tanah yang diperbuat di dalam tahun 19...... R.J.K. | Anggaran banyak padi yang didapati di dalam tahun 19...... K.N.G. atau kg. | Banvak padi zakat yang di-taksirkan kenaberi dalam tahun 19...... K.N.G. atau kg. | Banyak padi yang sebenar diperolehi dalam tahun 19...... K.N.G. atau kg. | Banyak padi zakat yang sebenar di-beri | Keterangan | | Catatan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | | | | | No. Buku | No. Resit | |
| | | | | | | | | | | | | |

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Daftar ini mengikut kepercayaan dan pendapat saya semuanya benar.

Bertarikh pada................................

...................................
*Tandatangan Amil*

...................................
*Tandatangan Penghulu Mukim*
*(Ketua Amil)*

JADUAL "D"

NEGERI KEDAH

ZAKAT

Daftar banci orang-orang yang berhak menerima bantuan daripada Kumpulan Wang Zakat di dalam tahun...... Mukim.................

Daerah........................

| No. Nama | Tempat Ber-mastautin | | Umur | No. Kad Pengenalan | Pekerjaan | Kecacatan | Harta-harta yang di dalam milik | Banyak padi atau beras yang dapat setahun | | Adakah mengeluar zakat | Dalam tanggu-ngan siapa | Sebab-sebab yang khas yang diberikan bantuan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Daerah | Mukim | | | | | | Padi Kunca atau kg. | Beras gantang atau kg. | | | |
| | | | | | | | | | | | | |

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Daftar ini mengikut kepercayaan dan pendapat saya semuanya benar.

Bertarikh pada.............................

.................................

*Tandatangan Amil*

DICETAK OLEH HUSSIN BIN SAMAH, P.J.K., PENGARAH CAWANGAN, JABATAN PERCETAKAN NEGARA, ALOR SETAR

# NISAB ZAKAT PADI

**Lima Ausuk bersamaan 2 kunca 2 nalih 6 gantang 1 cupak 2 kepol atau 1,300.49 Kg**

HARGA SEKARANG

Harga Padi : 1 Kg Bersamaan RM 0.65

Harga Subsidi : 1 Kg Bersamaan RM 0.2481

**RM 0. 8981**

RM 0.8981 x 1,300.49 Kg = **RM 1,167.97**

KADAR ZAKAT

Setiap pembuat bendang apabila mencapai hasil RM 1,167.97 samp nisobnya maka kadar sebanyak 10%

**RM 1,167.97 x 10% = RM 116.79**

كراجأن نكري قدح دارالامان

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

جباتن حال احوال اڬام اسلام
نكري قدح دارالامان، الور ستر

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
Bangunan Wan Mat Saman, 05000 Alor Setar

(Ked.
(Pind.

TELEFON
Yang Dipertua : Pejabat 73332
dan 7334311,
Rumah 73070
Setiausaha : Pejabat 73332
dan 7331228,
Rumah 73350
Pendaftar : Pejabat 73332
Fax : 04-7338333

Ruj. Tuan

Ruj. ( 89) dlm. AGAMA (KEDAH) (I) 2/1/1 J1

Tarikh :

Hj. Aftar
S— par
Kuy Zetiufa

Dato' Setiausaha Jawatankuasa Zakat,

Negeri Kedah Darul Aman,

05200 Alor Setar.

KEMUSYKILAN AGAMA

Berhubung dengan perkara di atas, surat Dato'/Tuan/Puan Bil( 120 )dlm. JZNK 223/71 bertarikh 29.9.1996 dengan hormatnya dirujuk.

2. Bersama-sama ini saya sertakan jawapan kepada kemusykilan yang Dato'/Tuan/Puan kemukakan itu. Mudah-mudahan mendapat manfaat di atas jawapan tersebut.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

( SYEIKH YAHAYA BIN HAJI JUSOH, SDK.,BCK.)
b.p. Yang Di Pertua
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam,
Negeri Kedah Darul Aman.

TERIMA
20 NOV 1996
JABATAN ZAKAT NEGERI
KEDAH DARUL AMAN

بسم الله الرحمن الرحيم

مجليس اوݢام اسلام نݢري قدح الورستر

ع( 89 )دالم مجليس (ق.Jd.ق) P 2/1/L.

16.11.1996 ..................... فد

[...]مدلله نحمده ونستعينه ونستغفره ونتوب اليه، سبحانك لاعلم لنا الا ما علمتنا [...]انت العليم الحكيم ونصلي ونسلم على سيدنا محمد خاتم الانبياء وامام المرسلين [...]لى اله وأصحابه أجمعين.

[...]عد،

[...]اتنكواس فتوى تله مڠكاجي دڠن هالوسي دان تليتي سوالن٢ يڠدكموكاكن [...]داڽ يأيت ـ

"" نوهون فتوى مڠناٴي زكاة فروجيق سڤارا فلادڠ ""

جواتنكواس تله مڠكاجي دڠن تليتي چداڠن جباتن زكاة نݢري قدح دارالامان سڤاي زكاة [...]ٴتس فرارليهن تانمن فادي دکناکن ناٴتس فراوليهن برسيه ياٴيت ستله دتولق سݢل ڤيوڠ فرلنجاٴن [...]ڠ دتڠݢوڠ اوله ڤتاني سماس مڠاوسهاکن فرتانينڽ فد تيف٢ موسيم يڠ مان حال اين اداله برلاوانن [...]ري عمالن يڠدلاکوکن سلام اين يڠ برفڬڠ کفد مذهب شافعي ياٴيت زكاة دکناکن داٴتس سرا [...]اوليهن اصل تنڤا مڠمبيل کيرا ڤيوڠ فرلنجاٴن انتوق مڠحاصيلکنڽ .

[...]ند ڤد نفد کاداٴن ڤتاني ٢ دنݢري اين يڠ سبهاݢين کچيل ماسيه برادا دالم ݢولوڠن برڤنداڤتن رنده [...]مان سکيراڽ کوتيڤن زكاة فادي سڤرت بياس ايت دکنلکن مک اداله منجادي بيبانن يڠ برت ناٴتس [...]يت دان انتوق مڠاتاسي مساٴله٢ يڠدهداڤي اوله فارا ڤتاني دان انتوق مڠݢلکت درف هيدوڤ [...]يت چداڠن دري ڤيهق برکناٴن انتوق مڠاداکن فروجيق سڤارا فلادڠ ... مک جواتنکواس [...]ستوجو مڠمبيل کڤوتوسن ممبري ڤنداڤن کفد جباتن زكاة نݢري قدح دارالامان ياٴيت ـ

سکيراڽ فروجيق سڤارا فلادڠ اين دلقسناکن مک کوتيڤن زكاة فادي حاصيل دري فروجيق اين [...]لهله دلاکوکن دڠن برتقليد کفد مذهب ابي حنيفه يڠ منشرطکن شرط يڠ واجب دزكاتکن ايت [...]ٴيتله شرط يڠ برسيه دري شوڤڠ دان دري کفرلوان اساس فميليکڽ امنا نفقه، رومه کديامن دان

ڤنايين دان امڤما الت ڤرتانين دان كندراءن دڠن ايت بياسان يڠ دڤاکاي اوله ڤتاني، اين منجادي ريڠن دان مريک اکن مڠلوارکن زكاة دڠن سڤوه ڤرسڤولوه دان لوتيڤن زكاة اين منجادي برتمبه مودە.

رجوع الفقه الاسلامي وأدلته الجزء الثاني صفحة ٧٥٠ قوله —

٦ — الزيادة عن الحاجات الأصلية — اشترط الحنفية كون المال الواجب فيه الزكاة فارغا عن الدين وعن الحاجات الاصلية لمالكه ........

اد ڤون قدر زكاة يڠ دکناکن سام اد ساتو ڤرسڤولوه اتو ربع العشر مک اي ترڤولڠ کڤد چارا مڠلوارکنڽ دان ڤمبلين ايرڽ ڤد ساوه٢ ڤادي. والله اعلم.

(داتوء ستيلجاي)
(داتوء ڤادوک شيخ عبدالمجيد بن محمد نور، دي. ايڤ. ايم. ايس.، دي. ڤي. ايم. کيه.، ڤي. سي. کيه.، جيه. ڤي.)

ڤغروسي جواتنکواس فتوى
مجليس اݢام اسلام نݢري قدح

برتاريخ 16.11.1996

[illegible]

مجليس اڬام اسلام نݢري قدح دار الأمان
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH DARULAMAN
Bangunan Wan Mat Saman, Jalan Raja,
05876 Alor Setar

# فتوى قدح دار الأمان

69 - س - اڤاكه حكوم برڤواس ڤد هاري جمعة سهاج اتو سبت سهاج اتو احد سهاج ؟

ج - مكروه ڤواس يڠ بوكن واجب ڤد هاري جمعة سهاج اتو سبت سهاج اتو احد سهاج دان تيادا منجادي مكروه جك ددهولوءي اتو دسمبوڠ دڠن هاري يڠ دهولو اتو برايكوتن دان جوك تياد مكروه جك هاري جمعة اتو سبت اتو احد ايت ترجاتوه ڤد هاري يڠ اي بياس برڤواس اڤماناي برڤواس برسلڠ ٢ هاري ڤواس دان سهاري بوك ، دان ترجاتوه هاري ڤواسڽ ڤد هاري جمعة اتو سبت اتو احد ، دمكين جوك كالو هاري ٢ ترسبوت ايت ترجاتوه ڤد هاري ٢ يڠ دسنتكن برڤواس سڤرت هاري عرفة ، هاري يڠ كسمبيلن (تاسوعاء) محرم دان هاري يڠ كسڤولوهن (عاشوراء) ،

## باب الزكاة

70 - س - مسألة ڤمبايرن زكاة اهل شريكت بكرجاسام سربكون ، كيليڠ لام كوليم ،

ج - 1 - شريكت بكرجاسام سربكون يڠ منجالنكن ڤرنياݢاءن واجب مڠلواركن زكاة منكل چوكوڤ حول (كنڤ ستاهون) مولاءي دري تاريخ ڤرنياݢاءن دجالنكن منوروت بولن هجرة دان چوكوڤ نصابڽ ڤد وقت كنڤ حول ،

2 - هاروس بلاي ڤڠوروس شريكت / بدان ڤڠوروس شريكت مڠلواركن زكاة باݢي ڤيهق اهلي ٢ ،

3 - انتوق مڠتهوي نصاب هندقله :

١) دنيلاي سموا بارڠ ٢ ڤرنياݢاءن يڠ اد وقت چوكوڤ حول كڤد واڠ ماليسيا دان

١١) دچمڤور دڠن واڠ توني يڠ اد دان هوتڠ ٢ دتاڠن ڤلڠكن ٢ يڠ اد هارڤن دباير دان

١١١) دتولق هوتڠ ٢ ڤيوتڠ شريكت كڤد لاءين ٢ ڤيهق مك باقي برسيهن جك دداڤاتي منماءي هرݢ امس سباپق 25 مايم دان [illegible] منوروت ڤاسرن اتو لبيه براڤ تيله چوكوڤ نصابڽ مك واجب دكلواركن زكاة ،

4 - قدر يڠ واجب دکلوارکن اياله 2.5 (دوا ڤراتوس ستڠه)
5 - بوليه دزکاتکن دڠن بارڠ٢ ڤرنياݢاٴن ايت اتاو دڠن واڠ کنتن
بارڠ٢ تمان يڠ لبيه برفائده کڤد اورڠ يڠ مستحق منريماڽ ،

71- س - مساٴله ڤراوليهن لاٴين٢ دان ڤراوليهن ڤڽيوا تانه بندڠ يڠ برڤوکوق
درڤد ڤنداڤتن زکاة ،
ج - کاٴونتوڠن اتاو ڤراوليهن يڠ برڤونچا درڤد واڠ زکاة اداله تيدق هاروس
دکوناکن باݢي يڠ لاٴين درڤد اصناف مثالن واڠ بهاݢين فقير مسکين يڠ
دلابور مک کاٴونتوڠن ڤلابوران ايت هندقله دڤولڠکن کڤد بهاݢين
فقير مسکين جوا ،

72- س - سودهکه ممادايٴ واڠ٢ چوکي ڤنداڤتن / چوکي ڤمباڠونن يڠ دباير اوليه
سسوارڠ کڤد جباتن حامل دالم نݢري دنيتکن دان دجاديکن زکاة اتس
واڠ٢ سيمڤانن ؟
ج - تيدق صح واڠ چوکي ڤنداڤتن / چوکي ڤمباڠونن يڠ دباير اوليه سسوارڠ
کڤد حامل دالم نݢري دنيتکن دان دجاديکن زکاة اتس واڠ٢ سيمڤانن ،

73- س - براڤکه قدر نصاب زکاة باݢي ڤرنيݢاٴن دان اڤکه جنيس ڤرنيݢاٴن يڠ
واجب دکلوارکن زکاتڽ ؟
ج - 1 - نصاب زکاة باݢي بارڠ٢ ڤرنياݢاٴن اداله دنيلايکن دڠن قدر امس
سباڽق 25 مايم 2.7108 ساکا ، زکاتڽ اياله ساتو ڤرامڤت درڤد
سڤرڤولوه (دوا ڤراتوس ستڠه)
ب - ڤرنياݢاٴن يڠ واجب دکلوارکن زکاة اياله سبارڠ ڤرنياݢاٴن مات
بندا يڠ لاٴين درڤد امس دان ڤيرق ،

74- س - اداکه لولوس دکلوارکن زکاة ڤادي سدڠکن ڤادي ايت بلوم دجوجي دان
دبرسيهکن ؟
ج - تيدق لولوس دسيسي شرع مڠلوارکن زکاة ڤادي يڠ بلوم دجوجي دان دبرسيهکن ،

75- س - سئورغ انق يتيم يغ بڤان منيڠݢل هرت يغ باپق دان ماسيه دالم ڤليهاراءن
ايبون جوك ، مك تنتڠ زكاة فطره ايت سياڤ كنا برنية ؟

ج - يغ برنية فطره ايت اياله والي هرت دان دمقصودكن والي ايت ياءيت
نينيقن (سبله باڤ) جك تيدق اد واجب داتس واصي ، دان جك تياد اد
واصي واجبله كاتس سلطان ،

76- س - جك انق ٢ جماعه سسبواه مسجد يغ ايڠين ممبري زكاة واڠن كڤد مسجد ايت
ملالوءي ستياءوسها اتو بنداهاري جواتنكواس قريهن انتوق دݢوناكن
سباݢي ڤربلنجاءن منجاݢ دان مملihارا مسجد ، اداكه صح زكاة انق ٢
جماعه ايت دان اداكه بوله ستياءوسها اتو بنداهاري منريما زكاة ايت
باݢي ڤيهق جواتنكواس قريه انتوق دݢوناءن مسجد ؟

ج - مسجد تياد بوله منريما زكاة كران اي تياد ترماسوق دالم اصناف يغ
لاڤن، ستياءوسها دان بنداهاري اتو لاءين ٢ بوله منريما زكاة باݢي ديرين
جك مريك ترماسوق دالم اصناف يغ لاڤن دان تيدق بوله منريما زكاة
باݢي ڤيهق جواتنكواس قريه ،

77- س - فطره بولهكه دكلواركن دڠن واڠ مثالن برس برهرݢ $1.00 ساي اد تيݢ
اورڠ ، كمدين ساي بايركن 3.00 $ ؟

ج - تيدق صح دكلواركن فطره دڠن هرݢاڽ مڠيكوت مذهب شافعي ،

78- س - ساي تريما زكاة ڤد تيڤ ٢ تاهون 15 هيڠݢ 20 كونچا درڤد ڤمبرين اورڠ
اداكه ساي كنا كلوار زكاة ڤول داتس ڤادي ايت اتو تيدق ؟

ج - تيدق واجب مڠلواركن زكاة ،

79- س - براڤكه قدر زكاة يغ واجب باݢي تانامن ٢ يغ مڠݢوناكن اير تروسن يغ تله
دباير حاصلن ؟

ج - قدر زكاة يغ واجب داتس تانامن ٢ يغ مڠݢوناكن اير تروسن يغ كنا دباير
حاصلن سڤرت قدر يغ دتنتوكن اوله كراجاءن سكارڠ اين اياله ساتو ڤرسڤوله (1/10)

80- س - نادي يغ دكيرا سجارا تيمبڠن دكيلڠ٢ ، كمدين دفوتڠ اوله فيهق كيلڠ تنتڠ باسه دان كوترن ، اداكه نادي يڠ باقي ايت دافت دنيلاي سجارا سوكاتن انتوق دكلواركن زكاة ؟

ج - نادي يڠ دكيرا سجارا تيمبڠن دكيلڠ٢ ايت كمدين دفوتڠ اوله فيهق كيلڠ تنتڠ باسه دان كوترن مك يڠ باقين ايت بوله دنيلاي سجارا سوكاتن انتوق دكلواركن زكاة ،

81- س - جك عامل تريما انتوق ديرين اداكه صح زكاة باكي اورڠ يڠ واجب مڠلواركن زكاة ايت؟

ج - حكومن تيدق صح زكاة ايت ،

82- س - اداكه هاروس عامل منريما زكاة انتوق ديرين سرت اد بهاكينن درفد نجابة زكاة ؟

ج - تياد هاروس باكي عامل يڠ دلنتيق اوله سلطان منريما زكاة يڠ اسيڠ انتوق ديرين سماءد دالم كاواسنن اتو دلوار كاواسنن دان تيدق هاروس فول اكن سسئورڠ درفد اصناف ايت مڠمبيل دوا بهاكين درفد اصناف يڠ لاءين ،

83- س - سريبو رڠكيت واڠ سيمڤنن بيراف تاهون لامن ، تاهون فرتام دباير زكاتن كمدين فد تاهون ٢ برايكوت اداكه واجب دكلواركن زكاة لاكي ؟

ج - حكومن واڠ سيمڤنن واجب دكلواركن زكاتن سلام اي ممفوڽاءي قدر نصاب يڠ دواجبكن دان جوكف فول حولن ،

84- س - فوهن مندافتكن فتوى داءتس بايرن بنتوان زكاة كفد مريد٢ يڠ بلوم جوكف عمور ملالوءي كورو بسر اتو لمباك سكوله ،

ج - صح فمبرين زكاة كفد مريد٢ يڠ بلوم جوكف عمور ملالوءي كورو بسر اتو لمباك سكوله دڠن برڤڬڠ كفد مذهب حنفي برالاسن كفد نص يڠ ترسبوت دالم كتاب فقه على المذاهب الاربعة (١) فركارا اين تله مندافت اذن كباوه دولي يڠمها مليا توانكو سلطان قدح دارالامان ،

..............

(١) روجوع كتاب الفقه على المذاهب الاربعة جزء ١ هالامن 563)، يڠ بربوڽي : واذا نوى الزكاة بما يعطيه لصبيان اقاربه او لمن ياتيه ببشارة ونحوها اجزأه ،

85- س – اداکه هاسيل منجوال ڤادي ڤوکوق دان داڤتکه دواجبکن زکاة ڤادي ايت؟

ج – هاسيل منجوال ڤادي ڤوکوق سبلوم کرس بيجين (قبل بدو الصلاح) دڠن شرط دڤوتوڠ ڤوکوق ڤادي ايت دان زکاة واجب داتس اورڠ يڠ ممبلي، دان هاسيل منجوالکن ڤادي ڤوکوق يڠ سوده برايسي دان کرس بيجين (بعد بدو الصلاح) دڠن تياد شرط ڤوتوڠ، زکاتڽ واجب دکلوارکن اوليه ڤيهق يڠ منجوال.

8- س – هاروسکه اتو تيدق جوا تڠکواس زکاة نݢري قدح منريما زکاة ڤادي دڠن واڠ يعني دڠن منريما هرݢا ڤادي، جکلو هاروس اتو تيدق مک منهب اڤکه حکوم ايت، دان بوليهکه دعملکن منهب ايت ممندڠ کڤد مصلحة اورڠ٢ اسلام دنݢري اين سڤرت برايکوت:

ا – سمنجق دڤربوات بندڠ دوا کالي ستاهون اداله منجادي امتسوليت ڤلادڠ دان عامل هندق ملقسناکن ڤيرااهن دان منريما زکاة کران بندڠ دڤنوهي اير دان ڤاديڤون باسه.

ب – جکلو ترليوت تيدق سمڤي 24 جم ڤادي اکن ماسم دان اکن تومبوه دڠن ايت کروکين کدوا ن٢ اداله کدوا٢ ڤيهق اکن منريمان.

ج – کسوليتن منجاري عامل يڠ ترڤقساله داداکن دڠن باهقن.

د – جکلو دکوتيف دڠن واڠ مک موده‌له داتور عامل دان کسوليتن تيدق اکن تيمبول لاݢي مک موده‌له دجاريکن عامل يڠ برکلاينکن سڤرت امام دان ݢورو٢ اݢام.

ج – هاروس دکلوارکن زکاة ڤادي دڠن واڠ يعني دڠن منريما هرݢ ياءيت برڤندو کڤد:

ا – فتوا دان عمالن الامام بلقيني يڠ مڠهاروسکن زکاة امس دان ڤيرق دان زکاة ڤرنياݢاءن دڠن دويت تمبݢا دان امام البخاري تله منداهولوءي امام بلقيني دالم مسئله اين، اوليهکران امام بلقيني اداله سأورڠ اهلي تخريج مک لاينقله انتوق دايکوتي (تقليد).

٢ – عمالن سيدنا معاذ بن جبل رضي الله عنه يڠ ڤرنه مڠهنتر ڤندودق يمن سڤاي مڠلوارکن زکاة ݢندوم دان جاݢوڠ دڠن ڤکاين.

٣ – اتو اڤبيل دڤرينته اوليه سلطان سڤاي دکلوارکن زکاة دڠن هرݢا بارڠ يڠ دکناکن زکاة ايت.

87- س - اداكه فرتوبوهن سفرت فرساتوان فلادغ واجب مڠلواركن زكاة فرنياݢاءنن بيلا چوكوف حول دان نصابڽ ؟

ج - واجب دكلواركن زكاة فرنياݢاءن باݢي اهلي٢ يڠ براݢام اسلام ياءيت سام٢ مودل اهلي٢ ايت دان كاءونتوڠنڽ ،

88- س - سوءالن بركاءيتن دڠن قدر نصاب ريڠݢيت مليسيا ،

ج - واڠ كرتس يڠ دݢوناكن دمليسيا (ريڠݢيت مليسيا) اداله دنيلاي دڠن امس دڠن سبب ايت قدر نصاب ريڠݢيت مليسيا اداله دنيلاي دڠن قدر نصاب امس ياءيت سباڽق 20 مثقال ( 25 مايم دان 2:7108 ساݢا )

89- س - اداكه هاروس دري سݢي حكوم شرع ممباير ايلاءون حاضر مشوارت زكاة دان بلنجا تمبڠ اين كفد قاضي٢ ، فݢاوي٢ داءيره دان سيد٢ يڠ جادي اهلي جواتنكواس زكاة درفد ريال (واڠ) زكاة ؟

ج - هاروس دباير ايلاءون حاضر مشوارت كفد قاضي٢ ، فݢاوي٢ داءيره دان سيد٢ سباݢي اوڤاهن دان بايران اين هندقله دبوات دان دامبيل دري فراونتوقكن بهاݢين عامل ( سهم العامل) دان هاروس دباير تمبڠ كران حاضر مشوارت ايت ،

90- س - جك سسوروڠ ايت مڽيمڤن زكاة هڠݢ ببراف تاهون تيدق مڠهابيسي اكنديڽ فد تاهون ايت جوݢ ، اڤكه حكومڽ فد شرع ؟

ج - واجب دان ترتيب٢ سسوروڠ ايت منونيكن زكاتڽ هڠݢ سلسي فد تيف٢ تاهون يڠ واجب زكاة دان ترسنجك اد باقي يڠ بلوم دتونيكن مك واجب دان ترسن منونيكن دڠن سݢرا ،

91- س - جك سسوروڠ ايت مڽيمڤن اي اكن فادي زكاتڽ تياد باݢي كفد مستحقن بهكن دي بلنجا كفد بارڠيڠ وقف سفرت مسجد دان مدرسة دان لاءين٢ اڤكه حكومڽ زكاة ايت؟

ج - ممبري زكاة كفد يڠ بوكن مستحق ايت تيدق صح دان مپلنجاكن [illegible] مسجد ، مدرسة دان سباݢاين ايت تيدق ترماسوق دباوه معنا ساتو درفد لاءين بهاݢين ،

92- س - اڤكه شرط٢ يڠ ڤرلو اد ڤد ديري سسأورڠ عامل زكاة ، اداكه سقدر مڠتهوي حکوم٢ فقه سهاج ؟

ج - جک اي مڠتهوي حکوم٢ فقه يڠ برکناءن دڠن ڤرکارا يڠ دتوݢسکن کڤدان يڠ برسڠکوتن دڠن زکاة مک صحله اي منجادي عامل ،

93- س - ڤمبايرن زکاة ڤادي يڠ دکلوارکن اوله ڤتاني دجوالکن کڤد چينا ، دان عامل زکاة هاڽ ڤرݢي کڤد چينا ايت منريما هرݢاڽ (واڠ) سهاج، اداکه صح ڤمبايرن زکاة يڠ سبݢيتو ؟

ج - تيدق صح ،

94- س - کڤد سياڤاکه واجب کيت مڠلوارکن زکاة سکيراڽ دنݢري يڠ کيت تيڠݢلکن ايت تياد اد اورڠ اسلام ؟

ج - هندقله دڤينده زکاة ايت دان دبري کڤد يڠ مستحق منريماڽ ددالم نݢري يڠ سهابيس همڤير دڠن نݢري يڠ کيت تيڠݢل ايت ،

95- س - اڤکه حکوم کيت ممبري زکاة کڤد اورڠ يڠ کيت تاهو دي اکن مڠݢوناکن زکاة ايت اونتوق ڤرکارا يڠ دتݢه اوله توهن سڤرتي اونتوق برجودي ؟

ج - صح ممبري زکاة کڤد اورڠ يڠ دکتهوي سوک برجودي جک اد ڤدان مان٢ صفة يڠ ترکندوڠ ددالم اصناف يڠ لاءين سڤرتي کفقيرن اتو کمسکينن اکن تتاڤي حرام کران دتاکوتي دݢوناکن ڤمبرين زکاة ايت کڤد ڤرکارا يڠ حرام ياءيت اومڤما برجودي ،

96- س - اداکه بوليه زکاة واڠ دبري کڤد ايبو باڤ ؟

ج - تيدق بوليه زکاة واڠ دبري کڤد ايبو باڤ ،

97 - س - اداكه برتنتاڠن دڠن حكوم زكاة جك سكيران نجابت زكاة مڠلواركن زكاة كفد فقير مسكين اتو كفد سسواتبهاكين سهاج درفد اصناف يڠ لاٴين ؟

ج - برداسركن نص دالم كتاب اعانة الطالبين واجبكا ٢ نص امام (نجابت زكاة) كتيك مڠلواركن زكاة امڤت فركارا (١)

١ - ممبري كفد سموا اصناف ،

2 - ممبهاكيكن قدر يڠ سام دانتارا تيف٢ اصناف ،

3 - ممبري كفد تيف٢ سؤرڠ درفد تيف٢ اصناف ،

4 - ممبهاكيكن قدر يڠ سام دانتارا تيف سؤرڠ درفد تيف٢ اصناف ايتجك برسماٴن حاجة ،

98 - س - اداكه توان برستوجو سكيران ساي كاتكن مڠيكوت نعامن ساي كالو زكاة ايت داومڤماكن سباكى فساكا ملك اصناف يڠ لاٴين ايت واريثن٢ يڠ برحق منريما فساكا ايت؟

ج - زكاة ايت تياد بوله داومڤماكن سباكى فساكا كران فمبهاكين زكاة ايت اداله برلاٴينن درفد حكوم فمبهاكين فساكا ،

99 - س - اداكه بوله داعتبار تواين تنامن دوا كالى ستاهون دالم ساتو تاهون (دوا بلس بولن هجرة) جك اومڤمان كيتكاتكن دري بولن ربيع الاول تاهون اين دان هدانن ؟

ج - داعتبار تواين تنامن دوا كالى ستاهون دڠن دكيرا انتارا دوا كالى كتم ايت تيدق لبه درفد دوا بلس بولن هجرة ،

.............

(١) رجوع كتاب اعانة الطالبين جزء 2 هالامن 195 ،

BORANG KAJI SELIDIK
DISERTASI SARJANA SYARIAH
UNIVERSITI MALAYA

| | |
|---|---|
| **TAJUK DISERTASI** | **:TAKLID KEPADA MAZHAB SYAFIE DALAM AMALAN BERZAKAT PADI DI KALANGAN MASYARAKAT MELAYU DAERAH KOTA SETAR DAN MENURUT PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG MENGENAINYA** |
| **OLEH** | **: MAHYUDDIN BIN ABU BAKAR** |
| **KURSUS** | **: SARJANA SYARIAH** |
| **INSTITUSI** | **: BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH AKADEMI PENGAJIAN SYARIAH UNIVERSITI MALAYA KUALA LUMPUR** |

**PANDUAN:**

1. Penyelidikan ini adalah bertujuan untuk menyediakan Disertasi Ijazah Sarjana Syariah, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
2. Jawapan yang diberikan adalah berdasarkan amalan dan pengetahuan anda sendiri bukan bergantung atau daripada pengetahuan orang lain.
3. Sila tandakan (   ) jawapan anda fikirkan sesuai sahaja di dalam ruang yang disediakan.
4. Sekiranya terdapat soalan yang menghendaki jawapan secara bertulis, sila tuliskan jawapan anda dalam ruangan yang disediakan. Jika ruang tidak mencukupi gunakan lampiran yang disediakan di akhir borang ini.
5. Sekiranya ada soalan yang anda fikirkan memerlukan jawapan lebih daripada satu, anda boleh memilih lebih jawapan yang perlu.
6. Segala maklumat yang anda berikan adalah menjadi rahsia penyelidik.
7. Segala bentuk kerjasama yang telah anda berikan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Disediakan oleh,

MAHYUDDIN BIN ABU BAKAR
KURSUS SARJANA SYARIAH
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA

KAMPONG DALAM KOTA
MUKIM LEPAI
05350 ALOR SETAR
KEDAH

## BAHAGIAN 1
( BIODATA RESPONDAN )

1. Jantina : ………………………….

2. Umur : ………………………….

3. Alamat : ……………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………

4. Taraf Perkahwinan:

i. Berkahwin ( )
ii. Bujang ( )
iii. Lain-lain
Sila nyatakan ………………………………

5. Tahap pendidikan:

i. Universiti ( )
ii. Maktab ( )
iii. Sekolah menengah ( )
iv. Sekolah menengah Agama Bantuan Kerajaan ( )
v. Sekolah menengah agama rakyat ( )
vi. Sekolah pondok ( )
vii. Sekolah rendah ( )
viii. Tidak bersekolah ( )
ix. Lain-lain, sila nyatakan
……………………………………………………………………………

6. Pekerjaan.
…………………………………

**BAHAGIAN B**
( AMALAN BERTAKLID )

1. Adakah dalam amalan ibadah anda seharian anda mengikut mazhab ?

Ya ( )
Tidak ( )

2. Di antara berikut mazhab manakah yang menjadi ikutan anda dalam mengamalkan ibadah.

Mazhab Hanafi ( )
Mazhab Maliki ( )
Mazhab Shafi'i ( )
Mazhab Hanbali ( )
Lain-lain, sila nyatakan
.......................................................................................................

3. Adakah anda hanya mengikuti satu mazhab sahaja ?

Ya ( )
Tidak ( )
Tidak pasti ( )
Lain-lain, sila nyatakan
.......................................................................................................
.......................................................................................................
.......................................................................................................

4. Mengapakah anda mengikut mazhab tersebut?

Kerana semua orang-orang di tempat anda berbuat demikian ( )
Kerana telah ditetapkan oleh undang-undang ( )
Kerana guru-guru agama mengatakan perlu mengikuti mazhab tersebut ( )
Lain-lain, sila nyatakan...
.......................................................................................................
.......................................................................................................
.......................................................................................................
.......................................................................................................

5. Adakah anda yakin bahawa mazhab yang anda ikuti inilah yang paling baik dan paling sempurna ?

Ya ( )
Tidak ( )
Tidak pasti ( )
Lain-lain, sila nyatakan
.......................................................................................................
.......................................................................................................
.......................................................................................................

6. Adakah ibadah sembahyang, puasa, zakat dan lain-lain yang di lakukan oleh anda dan keluarga anda mengikut mazhab yang anda ikuti ini.

Ya ( )
Tidak ( )
Tidak pasti ( )
Lain-lain, sila nyatakan ..
.......................................................................................................
.......................................................................................................
.......................................................................................................
.......................................................................................................
.......................................................................................................
.......................................................................................................

7. Apakah tindakan anda sekiranya anda mengetahui bahawa tidak semua amalan ibadah anda berteraskan mazhab yang anda ikuti.

Meninggalkan amalan tersebut ( )
Terus melakukannya jika tidak berlainan dengan prinsip-prinsip mazhab yang saya ikuti ( )
Terus mengamalkannya kerana bersesuaian dengan suasana kehidupan seharian ( )
Lain-lain, sila nyatakan..
.......................................................................................................
.......................................................................................................
.......................................................................................................
.......................................................................................................

8. Adakah anda bersetuju sekiranya saya mengatakan setiap orang Islam boleh mengikut keadah-kaedah dari mazhab lain dalam beribadah jika kaedah-kaedah tersebut lebih mudah untuk dilakukan.

| | |
|---|---|
| Ya | (  ) |
| Tidak | (  ) |
| Tidak pasti | (  ) |

9. Berdosakah seseorang itu sekiranya dia menerima dan melakukan amalan daripada mazhab lain dalam amalan ibadahnya ?

| | |
|---|---|
| Ya | (  ) |
| Tidak | (  ) |
| Tidak pasti | (  ) |

Lain-lain, sila nyatakan……

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

## BAHAGIAN C
( ZAKAT PADI )

1. Adakah anda mengusahakan sawah padi ?

| | |
|---|---|
| Ya | ( ) |
| Tidak | ( ) |

2. Dari manakah anda mempelajari tentang cara-cara untuk melaksanakan kewajipan berzakat padi ?

| | |
|---|---|
| Dari sekolah | ( ) |
| Melalui pengajian di masjid dan surau | ( ) |
| Melalui pengajian di pondok-pondok | ( ) |
| Mengikut amalan orang-orang terdahulu | ( ) |
| Melalui pembacaan | ( ) |

Lain-lain, sila nyatakan..

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

3. Dari manakah anda mengetahui bahawa amalan berzakat padi yang anda lakukan adalah berpandukan mazhab yang anda nyatakan di atas.

| | |
|---|---|
| Membaca buku | ( ) |
| Melalui pengajian di masjid dan surau | ( ) |
| Melalui pengajian di pondok-pondok | ( ) |
| Mengikut amalan orang-orang terdahulu | ( ) |

Lain-lain, sila nyatakan

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………

4. Dari manakah anda mengetahui bahawa amalan berzakat padi yang anda lakukan adalah berpandukan mazhab yang anda nyatakan di atas.

| | |
|---|---|
| Membaca buku | ( ) |
| Melalui pengajian di masjid dan surau | ( ) |
| Melalui pengajian di pondok-pondok | ( ) |

Mengikut amalan orang-orang terdahulu ( )
Lain-lain, sila nyatakan
.....................................................................................................................
.....................................................................................................................
.....................................................................................................................

5. Adakah anda bersetuju sekiranya saya mengatakan amalan zakat padi yang anda lakukan tidak sepenuhnya berteraskan mazhab yang anda ikuti.

Ya ( )
Tidak ( )
Tidak Pasti ( )

Berdasarkan jawapan anda ini, sila jelaskan mengapa anda berkata demikian.
.....................................................................................................................
.....................................................................................................................
.....................................................................................................................
.....................................................................................................................

6. Benarkah zakat padi dikeluarkan selepas selesai sahaja proses menuai ?

Ya ( )
Tidak ( )

7. Bagimanakah kaedah pengumpulan hasil padi dilakukan dilakukan ?

Kaedah Pukal ( )
Kaedah Penggunian ( )
Lain-lain, sila nyatakan
.....................................................................................................................

8. Bagaimanakah kadar *nisab minima* bagi zakat padi ditentukan ?

Melihat Kepada Jumlah Guni ( )
Melihat Kepada Harga Jualan Padi ( )
Lain-lain, sila nyatakan
.....................................................................................................................

9. Bagaimanakah bentuk pembayaran zakat padi dilakukan ?

Mengeluarkan dengan Padi ( )
Mengeluarkan Dengan Harga Padi ( )
Lain-lain, sila nyatakan
……………………………………………………………………………………………

10. Kepada siapakah zakat padi dibayar ?

Kepada Pemungut Zakat ( )
Asnaf- asnaf Yang di Pilih ( )
Lain-lain, nyatakan
……………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………

**BAHAGIAN D**
( SOALAN TERBUKA)

1. Adakah anda bersetuju jika saya mengatakan kita tidak boleh mengikut satu mazhab sahaja dalam menunaikan ibadah zakat padi. Mengapa ?
   ..................................................................................................
   ..................................................................................................
   ..................................................................................................
   ..................................................................................................
   ..................................................................................................
   ..................................................................................................

2. Pada pendapat saya anda dan kebanyakan orang-orang Melayu Islam di tempat anda hanya mengikut amalan orang-orang tua terdahulu dalam melakukan ibadah zakat padi mereka.
   Apa pandangan anda tentang kenyataan saya ini.
   ..................................................................................................
   ..................................................................................................
   ..................................................................................................
   ..................................................................................................
   ..................................................................................................
   ..................................................................................................
   ..................................................................................................

3. Adakah anda termasuk dalam kategori orang-orang terlalu " taksub " ( amat kuat mengikut ) mazhab yang anda ikuti. Sila jelaskan.
   ..................................................................................................
   ..................................................................................................
   ..................................................................................................
   ..................................................................................................
   ..................................................................................................

4. Adakah anda mahu mengikuti prinsip-prinsip daripada mazhab lain sekiranya ia lebih mudah untuk dilaksankan berbanding mazhab yang anda ikuti. Nyatakan.
   ..................................................................................................
   ..................................................................................................
   ..................................................................................................
   ..................................................................................................
   ..................................................................................................